



TENAGA REDAKSI

*Pengerusi Jawatankuasa
Dakwah, Pendidikan
& Penerbitan*

Prof. Emeritus Dato' Dr.
Hj. Arifin Suhaimi

Penasihat

Tan Sri Dato'
Dr. Abdul Hamid Othman
Ann Wan Seng

Pengarang

Firdaus Lokman Tah

Edaran

Hj. Ishak Othman

Alamat Urus Setia PERKIM

Pertubuhan Kebajikan Islam
Malaysia (PERKIM)
Tingkat 4, Bangunan PERKIM,
150 Jalan Ipoh,
51000 Kuala Lumpur
Tel:03-4042 6224,
Fax:03-4042 7403
Website: www.perkim.net.my

Dicetak oleh

Azaty Supply & Print
No.5, Jalan Melor 8A,
Desa Melor, 48200 Serendah
Selangor
Tel: 012-659 4907
e-mail: azaty7179@yahoo.com

KANDUNGAN

- Perang Ahzab/Khandak 1
- Soal Jawab Agama 2
- Profil Saudara Muslim 3
- Majlis Berbuka Puasa Bersama Yang Dipertua PERKIM dan Sumbangan Hari Raya Saudara Muslim 4-5
- Anugerah Sri Cemerlang Kelab Perkim Universiti 6
- Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran 7
- PERKIM Lantik Bendahari Kehormat dan Penolong Setiausaha Agung Baru 8

Perang Ahzab (Khandak)

Ramadhan sudah meninggalkan kita. Kini syawal pula mengorak langkah mengikut Ramadan. Begitulah yang berlaku setiap tahun. Zulkaedah pula bakal menjelma. Tapi adakah kita sedar dan ingat akan setiap peristiwa yang penting berlaku di dalam bulan-bulan islam ini.

Antara peristiwa penting yang berlaku dalam Zulkaedah adalah **Perang Ahzab (perang Khandak)**. Ia telah berlaku pada 627 Masihi. Dinamakan Perang Ahzab kerana perang ini menghimpunkan banyak suku kaum yang telah bersekutu (*Ahzab*) untuk menyerang orang Islam di Madinah. Ia juga dikenali sebagai Perang Khandak (*parit*) kerana tentera Islam telah menggali parit di sekeliling kota Madinah untuk menghalang tentera musuh dari mencerooboh dan menyerang Madinah.

Sebenarnya peperangan ini berlaku kerana pihak yahudi khususnya yang menetap di Madinah telah melanggar perjanjian yang dimetrai antara mereka dan Rasulullah yang dinamakan perjanjian Hudaibiyah.

Di Madinah, terdapat pakatan yang mahu membunuh Nabi, digerakkan oleh orang-orang Yahudi (Bani Nadhir). Kerana ini, sesuai dengan

perjanjian itu, maka Nabi mengeluarkan perintah agar semua bangsa Yahudi keluar dari kota Madinah dan kepada mereka diizinkan membawa semua harta benda dan kekayaan mereka.

Dengan pengusiran ini, bergabunglah kekuatan Yahudi dengan kekuatan kaum kafir Quraisy yang ada di kota Makkah, untuk menyerang Nabi dan umat Islam. Kekuatan mereka ditambah lagi dengan bergabungnya orang Ghatafan dan Habsyi. Kota Madinah dikepung dari segala penjuru oleh tentera gabungan musuh ini.

Atas nasihat Salman al-Farisi (sahabat Nabi berbangsa Parsi), Nabi memerintahkan untuk menggali parit di sekeliling kota Madinah, terutama kawasan yang kurang kuat pertahanannya. Sistem pertahanan ini diserahkan kepada Bani Quraidzah mempertahankannya. Dengan bantuan Allah, tentera Islam telah mendapat kemenangan walaupun jumlah gabungan tentera Mekah amat besar. Perang ini ada diceritakan dalam al-Qur'an di dalam

FAKTA PEPERANGAN AHZAB/KHANDAK

TEMPAT PERISTIWA	MADINAH	
WAKTU PEPERANGAN	627 MASIHI	
PIHAK MENANG	TENTERA ISLAM	
PANGLIMA TENTERA	ISLAM : NABI MUHAMMAD S.A.W	MUSUH : ABU SUFYAN IBNI HARB
JUMLAH TENTERA	3,000 ORANG	10,000 ORANG



SOAL JAWAB AGAMA

Soalan 1

Assalamualaikum wbt. Saya ingin meminta pandangan mengenai perhubungan diantara suami orang dengan isteri orang. Bagaimanakah cara agar hubungan ini dapat diputuskan sebab ini terjadi kepada rakan saya. Saya bimbang jika diketahui suaminya akan berlaku perkara yang tidak baik. Terima kasih.

Jawapan 1

Walaikumussalam wbt. Terima kasih kepada saudara yang bertanya. Merujuk kepada tulisan emel saudara "mengenai perhubungan diantara suami orang dengan isteri orang". Apakah yang saudara maksudkan dengan "Perhubungan" itu? Adakah ianya bersifat hubungan rakan setugas dalam urusan kerja atau yang melibatkan perasaan sayang dan disayangi? Sekiranya perhubungan itu bersifat perasaan, elok ianya dihindarkan kerana ia akan memudaratkan rakan saudara khususnya dalam hubungan kekeluargaan suami dan isteri. Islam menganjurkan ketenangan dan kedamaian di dalam membina rumahtangga.

Perpecahan di dalam hubungan suami isteri perlu dielakkan. Suasana yang harmoni perlu ditanam di dalam jiwa setiap pasangan suami dan isteri agar rumahtangga yang dibina kekal selamanya. Moga rakan saudara diberikan petunjuk atas apa yang berlaku. Sekiranya memerlukan khidmat runding cara, PERKIM mengalu-alukan kehadiran saudara dan rakan saudara.

Soalan 2

Saya merupakan seorang mualaf berbangsa cina hampir 5

tahun memeluk islam. Saya telah berkahwin dengan perempuan melayu dan kami bakal menimang cahaya mata yang pertama. Persoalannya adakah berdosa jika saya tidak meletakkan bin/binti kepada nama saya tetapi sebaliknya meletakkan nama keturunan saya eg. Mohd Ali Tan kepada anak saya?

Jawapan 2

Terima kasih pada saudara yang bertanya. Dalam hal ini, tiada masalah sekiranya saudara ingin meletakkan nama keturunan pada nama anak. Walaubagaimana paling 'afdhal' meletakkan bin/binti pada nama saudara amat digalakkan seperti Nor Aisyah Tan binti Muhammad Tan. Terima kasih.

Soalan 3

Assalamualaikum wbt. Saya ingin minta nasihat ustaz tentang aurat wanita islam dengan keluarga mertua yang bukan islam terdiri daripada bapa dan mak mertua, adik ipar lelaki dan perempuan. Saya ada membaca 2 pendapat yang berbeza buat saya keliru. Harap ustaz dapat membantu. Terima kasih.

Jawapan 3

Walaikumussalam wbt. Terima kasih pada saudara yang bertanya. Batasan aurat wanita Islam dengan keluarga mertua yang bukan Islam terdiri daripada bapa dan mak mertua, adik ipar lelaki dan perempuan adalah perlu dijaga seperti biasa. Hanya boleh melihatkan kedua tapak tangan dan muka. Keseluruhan tubuh badan perlu ditutup daripada diperlihatkan kepada orang yang bukan muhrim.

Soalan 4

Assalamualaikum wbt. Saya ingin bertanya kepada ustaz. Apakah yang harus saya lakukan untuk membantu rakan saya bagi memeluk agama islam? Kemanakah harus saya pergi? Bolehkah ustaz terangkan kepada saya?

Jawapan 4

Walaikumussalam wbt. Syukur Alhamdulillah kerana saudara sudah berada di jalan yang baik untuk membawa kawan saudara untuk memeluk Islam. Saudari boleh mendapatkan perkhidmatan berkaitan saudara baru yang ingin memeluk Islam di mana-mana badan agama yang berhampiran di kawasan saudara atau terus berhubung dengan PERKIM. Kalau ingin mendaftar memeluk Islam di PERKIM, sediakan 6 keping gambar dan juga fotostat i/c 2 salinan dan juga kalau ada saksi lelaki muslim, minta fotostat i/c saksi 2 keping dan terus datang ke PERKIM untuk urusan pengislaman.

Soalan 5

Assalamualaikum wbt. Saya ingin bertanya satu soalan yang agak sensitif, aitu berbicara tentang hubungan suami isteri @ seks, adakah ia diharuskan oleh agama islam? Sekiranya perbicaraan itu sekadar untuk menimba pengetahuan sebelum berkahwin, saya juga pernah berkongsi cerita mengenainya dengan kawan-kawan lelaki dan perempuan saya, kami hanya sekadar bercerita untuk pengetahuan, sedangkan kami tahu ia agak sensitif dibicarakan, dan kami tidak sampai tahap melakukannya, kerana kami tahu batas-batas yang ditetapkan oleh agama. Adakah boleh kami

Meneruskan perbincaraan tentang seks lagi, sekiranya ada kawan-kawan yang ingin tahu mengenainya.

Jawapan 5

Walaikumussalam wbt. Merujuk pada pertanyaan saudara, jika apa yang saudara bincangkan itu atas niat untuk menimba ilmu ianya dibolehkan dengan batas-batasnya yang tertentu. Perkara yang dibincangkan itu perlulah didasari oleh sokongan ayat-ayat al-Quran, hadis dan juga bukti-bukti sains yang boleh diketengahkan dalam perbincangan itu agar apa yang dibincangkan itu benar-benar memberikan manfaat yang baik terhadap si pembincang. Perbincangan perlu didasari oleh tunjang syariat bagi mengelakkan hawa nafsu menguasai akal dan nurani si pembincang. Terima kasih

Soalan 6

Assalaamualaikum Uztaz. Disini saya ada pertanyaan yang menjadi pertanyaan ramai remaja. Uztaz, adakah berpasangan dalam Islam itu haram? Adakah kita berzina hati kerana sering terbayang-bayang dan merindui seseorang yang bukan suami / isteri? Sekian terima kasih.

Jawapan 6

Walaikumussalam. Terima kasih kepada saudari yang bertanya. Cantik sungguh soalan itu kerana ianya datang dari seorang remaja. Zaman remajalah yang paling mencabar jiwa dan raga. Walaubagaimanapun, berpasangan bukan muhrim adalah dilarang dalam Islam. Ini kerana bagi menjaga martabat atau maruah insan yang bersifat muslim dan mukmin. Menurut hadis Nabi s.a.w yang

bermaksud ; *Janganlah seorang lelaki duduk berdua-duaan dengan seorang perempuan yang tidak halal baginya, maka sesungguhnya yang ketiga antara keduanya adalah syaitan melainkan mahram (atau bersama mahram).* - Riwayat Ahmad-. Di dalam al-quran juga menyebut agar umat Islam menjauhi zina. Zina tidak terhad kepada kemaluan semata-mata, seluruh anggota badan juga dikira berzina sekiranya melakukan perkara yang menjurus ke arah membangkitkan nafsu berahi hingga berzina. Ianya dikira berdosa besar. Maka barang siapa yang melakukannya, perlulah bertaubat dan kembali ke pangkal jalan (Islam). Terima kasih.



Profil Saudara Muslim

Gowri merupakan anak ketujuh dari sepuluh orang adik-beradik. Enam daripada mereka telah memeluk Islam bersama ibu, manakala bapanya memilih untuk terus kekal dalam agama asal (hindu).

Melalui penjelasan yang diberikan oleh Gowri, beliau telah berminat dengan ajaran Islam semenjak berusia 14 tahun. Abang kandungnya iaitu En Mohd Ridwan B. Abdullah yang banyak mempengaruhi beliau dan keluarga tentang ajaran Islam. KISAH NABI IBRAHIM MENGHANCURKAN BERHALA YANG TERSIMPAN DI DALAM KAABAH YANG DICERITAKAN OLEH ABANG KANDUNG BELIAU MENAMBAT HATINYA TENTANG ISLAM. Abangnya juga sentiasa menerangkan tentang kelebihan dan kebaikan agama Islam kepada keluarga beliau.

Menurutnya lagi, ibunya mengamalkan ajaran kristian, manakala bapanya pula mengamalkan ajaran hindu. Runding dengan konflik agama yang selalu bermain difikirannya, beliau akhirnya memilih Islam sebagai pegangan hidup. Ibubapanya telah berpisah ketika beliau berusia 12 tahun.

Guru Sekolah Jalan Bukit, Kajang, iaitu Pn. Noraishah yang telah membantu beliau bagi mana cara untuk memeluk Islam. Gurunya telah membawa beliau ke Perkim. Beliau telah memilih nama Nur Khalisah Abdullah sebagai nama Islamnya. Turut bersama beliau pada hari tersebut ialah adiknya yang juga memilih Islam sebagai agama untuk dianuti dan memilih nama Mohd Yunus Abdullah. Sekarang beliau belajar di sebuah sekolah pondok di negeri Kelantan bagi mendalami tentang pengertian dan cara hidup Islam.

Apabila Allah berkehendak untuk memberikan hidayahNya, Dia tidak mengira pada siapa, warna kulit pangkat, darjat dan sebagainya. Dilahirkan pada 9hb Ogos 1988, Gowri a/p Krishnan merupakan salah seorang hamba Allah yang telah dipilihNya untuk memeluk Islam. Proses pengislamannya telah berlangsung di Ibu pejabat PERKIM jalan Ipoh pada 7 Mei 2007.

Dilahirkan dalam keluarga yang besar,



Anugerah Sri Cemerlang Kelab PERKIM Universiti

Seramai lebih 1000 menghadiri majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri dan Penganugerahan Sri Cemerlang Kelab Perkim Universiti. Ia adalah anjuran Perkim Kebangsaan dengan kerjasama Masjid Salahuddin Al-Ayyubi dan ditaja oleh EONCAP Islamic Bank bertempat di Dewan Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati, Gombak

Memanfaatkan sumbangan yang diberi dari pihak EONCAP Islamic Bank, maka objektif utama dalam menjayakan majlis ini adalah untuk meraikan mahasiswa dan golongan saudara muslim.

Mereka terdiri daripada kalangan ibu tunggal, anak yatim, orang kurang upaya dan fakir miskin dengan niat untuk menyalurkan bantuan sempena Syawal. Mereka menerima wang raya dan juga hamper makanan.

Seramai 40 penerima sumbangan adalah terdiri daripada kalangan mahasiswa, manakala 100 penerima ialah kumpulan saudara baru. Selain itu, program ini juga diserikan dengan penyampaian Anugerah Sri Cemerlang kepada Kelab-kelab Perkim yang didaftarkan secara sah di sepuluh universiti awam dan swasta.

Ia sebagai menghargai sumbangan serta komitmen mereka yang terlibat secara langsung dalam menjayakan usaha-usaha dakwah, kebajikan dan pendidikan PERKIM sepanjang 2008.

Buat kedua kalinya, majlis ini menghimpunkan sebanyak sepuluh Kelab Perkim Universiti iaitu dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), KUTPM, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kolej Universiti Taylor, Universiti Industri Selangor

(Unisel), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) diberi penghargaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Noraini Ahmad menyampaikan Anugerah Sri Cemerlang kategori Kelab Terbaik Keseluruhan kepada Muhammad Zul Ikram Ishak selaku Yang Dipertua Kelab PERKIM Pusat Asasi Universiti Islam Malaysia (UIAM) Cawangan Petaling Jaya. Beliau menerima hadiah Piala Pusingan Yang Dipertua Perkim, wang tunai sebanyak RM2,500 beserta piala iringan.

Kategori Kepimpinan Cemerlang pula diterima oleh Mohd. Mukhlis Maghribi selaku mantan Yang Dipertua Kelab PERKIM Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Beliau menerima hadiah piala iringan di atas kegigihan, kesungguhan dan kecenderungan kepimpinan beliau dalam setiap program yang beliau adakan.

Kategori Projek Terbaik diterima oleh Mohd Mustaqim selaku Yang Dipertua Kelab PERKIM Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Beliau menerima piala iringan dan wang tunai sebanyak RM2,000. Kelab ini telah mendapat pengiktirafan sebagai kelab PERKIM yang paling aktif menjalankan aktiviti-aktiviti program dakwah, kebajikan dan pendidikan walaupun mereka sibuk dengan pengajian di kampus.

Pada majlis ini juga seramai 600 mahasiswa ahli Kelab Perkim dari sepuluh universiti ini turut hadir mendengar amanat daripada Noraini dan dihiburkan pula nyanyian nasyid daripada kumpulan IQ-nic dari Kelab PERKIM Pusat Asasi Universiti Islam Malaysia (UIAM) cawangan Petaling Jaya.

Bersama dalam menjayakan majlis itu ialah seramai 50 tetamu jemputan terdiri daripada Naib Yang Dipertua Perkim Kebangsaan, Dato'

Seri Abdul Rashid Abdul Rahman bersama Penolong Setiausaha Agung Kehormat Perkim Kebangsaan, Datuk Haji Hasbullah L. Isa dan Wan Husni Wan Kamal selaku Ketua Eksekutif Perbankan Pengguna EON CAP Islamic Bank serta Dato' Abdul Rahim Abdul Hamid selaku pengerusi Masjid Salahudin Al-Ayyubi.



Dato' Noraini menyampaikan sumbangan wang raya dan hamper kepada saudara muslim kategori orang kurang upaya (OKU) penglihatan.



Noraini (kanan) menyampaikan sumbangan wang raya dan hamper kepada Salim Sharmaini mahasiswa kelab PERKIM UIA Nilai.



Pemenang-pemenang Anugerah Sri Cemerlang Kelab PERKIM pelbagai kategori bergambar bersama Dato' Noraini Ahmad.

Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran



Semua peserta terdiri daripada melayu, saudara baru dan pelajar ahli Kelab PERKIM UIA bertadarus Al-Quran bersama kumpulan mengikut munabbih



Pelajar ahli Kelab PERKIM Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Petaling Jaya & Nilai bergambar selepas majlis tadarus.

Bagi mempertingkatkan lagi ibadah dan amalan dalam bulan Ramadan yang mulia ini, Unit Dakwah PERKIM Kebangsaan telah menganjurkan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran pada 21 Ramadan 1429 bertempat Surau Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Program ini adalah bertujuan bukan sahaja untuk merapatkan ukhwah silaturrahim antara sesama Islam malah melatih saudara muslim bersama-sama berjemaah dan bersama-sama bertadarus mengikut kumpulan.

Seramai 200 orang muslimin dan muslimat terutama dari kalangan Melayu dan saudara baru yang terdiri daripada berbangsa Cina, India, Iban dan daripada negara Filipina menyertai program sehari tersebut. Seramai 50 orang pelajar Kelab PERKIM Pusat Matrikulasi UIA Petaling Jaya dan Nilai menyertai dan memeriahkan lagi program ini.

Antara pengisian program tadarus ini adalah dimulakan dengan tadarus Al-Quran dari Juzuk 1 hingga juzuk 144 mengikut kumpulan yang diketuai oleh munabbih iaitu ketua kumpulan tadarus. Sejurus selesai bertadarus diikuti pula dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diketuai oleh Ustaz Sayyid Musal Kazim dan penyampaian saguhati

seperti sejadah, bunga telur dan pulut kuning kepada peserta tadarus.

Para peserta telah disajikan dengan santapan ilmiah bertajuk "Al-Quran menjadi pengubat dan penawar hati" yang disampaikan oleh Ustaz Asnil Abu Bakar, penceramah dari Radio IKIM.

Setelah azan maghrib, majlis berbuka puasa bersama saudara muslim, ahli-ahli PERKIM dan ahli-ahli Kelab PERKIM Universiti diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan diteruskan dengan solat sunat Tarawikh dan diakhiri dengan penyampaian zakat oleh Puan Arbaenah Saidon bersama suami Mohamad Sani Eng Abdullah kepada semua saudara muslim

yang hadir pada majlis tersebut.

Turut hadir menayakan program tersebut ialah Ustaz Mohd. Mustaqim Asmuji selaku penyelarasan program.



Ahli Majlis Kebangsaan PERKIM, Prof. Dr. Siti Normala Obid (kiri) menyampaikan cenderahati kepada munabbih kumpulan tadarus Al-Quran.



Puan Arbaenah Saidon (kiri) menyampaikan sumbangan zakat dan barangan makanan kesihatan kepada saudara baru.



PERKIM TERIMA BENDAHARI KEHORMAT DAN PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT BARU

TAN SRI DATO' DR. MUHAMMAD RAIS ABD. KARIM - *Bendahari Kehormat*



Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan, telah melantik Bendahari Kehormat yang baru pada bulan September 2008. Tan Sri Dato' Dr Muhammad Rais Abd Karim telah dipilih bagi menggantikan Allahyarham Lt. Kol (B) Abd. Kadir Abd. Hamid, yang telah kembali ke rahmatullah pada 2 April 2008.

penting dalam kerajaan. Antaranya, Ketua pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, (MAMPU) (Tahun : 1996 - 2003), Bekas Timbalan Chanselor Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSII), dan bekas Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Sekarang, beliau masih berkhidmat sebagai Pengerusi di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Pengarah di Yakin IT Sdn Bhd, dan Pengerusi Goodyear Malaysia Sdn Bhd.

Bagi memantap dan melincinkan usaha dakwah, Pertubuhan

Tan Sri Dato' Dr Muhammad Rais Abd Karim merupakan seorang berpengalaman besar dalam pelbagai bidang dan sebelum ini telah menjawat beberapa jawatan

DATUK HAJI HASBULLAH L. ISA - *Penolong Setiausaha Agung Kehormat*



(Tan Sri Dato' Dr Abdul Hamid Othman) dan kemudian di lantik sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed pada tahun 2001 sehinggalah Tun bersara. Mulai tahun 2004 beliau di lantik menjadi Setiausaha Politik kepada YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia sehingga Mac 2008.

Setapak, Penasihat Persatuan Penduduk Kawasan 12A Taman Melati, Setapak, dan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Islam Hadhari di Kuala Lumpur. Beliau juga pernah aktif dalam aktiviti kemasyarakatan khususnya dalam pertubuhan sukarela dan dakwah dimana saja beliau berkhidmat. Antaranya di Kerian Perak (1981-1984), Padang Terap Kedah (1985-1991) Seberang Prai Utara Pulau Pinang (1992-1993), Kangar Perlis (1994-1995), Kuala Lumpur dan Putrajaya Wilayah Persekutuan (1995-sekarang).

Beliau pernah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam (Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik) selama 17 tahun di pelbagai jabatan dan kementerian. Antaranya sebagai Pegawai Pendaftaran Negara, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Perak, Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pentadbiran/Protokol/Kewangan), dan Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2000 beliau dilantik sebagai anggota pentadbiran kerajaan iaitu Setiausaha Politik kepada Menteri

Sehingga kini, beliau terus aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan memegang beberapa jawatan dalam beberapa pertubuhan, iaitu sebagai Timbalan Pengerusi dan Imam Rawatib Kariah Masjid Salahudin Al-Ayyubi Taman Melati,

Jadual Aktiviti Dakwah PERKIM Sepanjang Bulan November 2008

TARIKH	AKTIVITI
1-2 Nov.	Program Ziarah Orang Asli
6 Nov.	Program Ziarah Hospital (HKL)
7-9 Nov.	Program Peningkatan Ilmu Zon Utara
10 Nov.	Tazkirah Bulanan
14-16 Nov.	Program Peningkatan Ilmu Zon Selatan
18 Nov.	Program Ziarah Hospital (HUKM)
21-23 Nov.	Program Peningkatan Ilmu Zon Tengah
28-30 Nov.	Program Peningkatan Ilmu Zon Selatan